



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 12/2010 (21 hingga 27 Mac 2010)

Bagi tempoh antara 21 hingga 27 Mac 2010, sejumlah 797 kes demam denggi telah dilaporkan di seluruh negara, menurun sebanyak 101 kes (11%) berbanding dengan 898 kes pada minggu sebelumnya. Walaupun kes menurun, 4 negeri menunjukkan peningkatan kes iaitu Sarawak (15 kes), Kelantan (12 kes), Pahang (7 kes) dan Kedah (3 kes) (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes yang dilaporkan bagi tahun ini adalah 12,157 kes dengan 43 kematian berbanding 14,108 kes dengan 37 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas. Walaupun kes menurun sebanyak 14%, tetapi bilangan kematian tahun ini (2010) meningkat sebanyak 16%.

Sepanjang minggu lepas, sebanyak tiga kematian telah dilaporkan iaitu dua dari Selangor dan satu di Sarawak. Ketiga-tiga kematian ini disebabkan oleh komplikasi Demam Denggi Berdarah. Kesemua kes kematian terjadi di kawasan yang berisiko untuk jangkitan denggi kerana mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi iaitu di antara 3.4% hingga 3.8%.

Tempat pembiakan Aedes yang tinggi di kawasan "hot spot" masih dilaporkan di negeri-negeri seperti Selangor, Sarawak, WP Kuala Lumpur dan N. Sembilan (Lampiran D) namun hanya 13 (22%) dari 60 kawasan "hot spot" telah mengadakan gotong-royong. Kegagalan masyarakat

setempat menghapuskan tempat pembiakan Aedes secara berkala menyumbang kepada penularan berterusan kes denggi di kawasan-kawasan berkenaan.

Masyarakat perlu sedar bahawa tanggungjawab untuk membasmi demam denggi bukan hanya terletak di bahu pihak Kementerian Kesihatan atau pihak yang berwajib semata-mata tetapi ianya adalah tanggungjawab bersama individu dan masyarakat setempat. Jika di kawasan anda ada menganjurkan aktiviti gotong-royong, diharapkan setiap isi rumah di kawasan tersebut mengambil bahagian dalam menjayakan aktiviti ini. Perlu diingatkan bahawa tempat pembiakan Aedes mungkin disekitar rumah jiran-jiran anda tetapi risiko untuk anda dijangkiti demam denggi masih boleh berlaku kerana nyamuk boleh terbang ke rumah yang berhampiran.

Dapatkan rawatan awal di klinik atau hospital terdekat sekiranya ada di antara anda atau ahli keluarga mengalami demam kerana rawatan segera boleh mencegah kematian disebabkan oleh demam denggi. Pengamal perubatan yang mengendalikan kes juga perlu melaporkan kes-kes yang disyaki denggi dengan segera ke Pejabat Kesihatan terdekat supaya tindakan kawalan segera dapat diambil bagi menghalang penularan jangkitan denggi.

Bagi Penyakit Chikungunya, sejumlah 14 kes telah dilaporkan pada minggu lepas, berbanding 39 kes pada minggu sebelumnya, iaitu kesemuanya di Sarawak (Lampiran B). Bagi tempoh yang sama, terdapat 3 lokaliti wabak Chikungunya yang berlaku di Sarawak.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

30 Mac 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 12/2010  
(21 hingga 27 Mac 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 12/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 12/2009
		Minggu 12 (21 – 27 Mac 2010)	Minggu 11 (14 – 20 Mac 2010)		
1	Perlis	1	1	31	42
2	Kedah	15	12	119 (1)	323
3	P. Pinang	14	18	294 (2)	698
4	Perak	27	31	388	1,209
5	Selangor	381 (2)	447	5,655 (24)	7,571 (24)
6	WPKL & Putrajaya	107	140	1,330 (2)	1,241 (5)
7	N. Sembilan	20	25	568 (1)	250 (4)
8	Melaka	6	11 (1)	105 (2)	173
9	Johor	51	53 (1)	691 (2)	718 (2)
10	Pahang	28	21	327 (1)	290 (1)
11	Terengganu	12	15	257	321
12	Kelantan	35	23	256 (1)	428
13	Sarawak	87 (1)	72	1,583 (6)	533
14	Sabah	13	29	546 (1)	294 (1)
15	WP Labuan	0	0	7	17
	<b>Jumlah</b>	<b>797 (3)</b>	<b>898 (2)</b>	<b>12,157 (43)</b>	<b>14,108 (37)</b>

Nota: ( ) Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG  
DILAPORKAN PADA MINGGU 12/2010 BERBANDING MINGGU  
SEBELUMNYA (11/2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-12 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 12 Tahun 2009
		Minggu 12 ( 21 – 27 Mac 2010)	Minggu 11 ( 14 – 20 Mac 2010)		
1	Perlis	0	0	0	14
2	Kedah	0	0	0	31
3	P. Pinang	0	0	2	48
4	Perak	0	2	3	230
5	Selangor	0	1	12	253
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	60
7	N. Sembilan	0	0	0	27
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	102
10	Pahang	0	0	1	55
11	Terengganu	0	0	1	32
12	Kelantan	0	0	2	263
13	Sarawak	14	36	465	1
14	Sabah	0	0	6	0
15	WP Labuan	0	0	7	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>14</b>	<b>39</b>	<b>500</b>	<b>1,116</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 27 MARCH 2010 (Mg 12)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBPJ	Flat Desa Mentari PJS 6	26	120
2	SELANGOR	MPSJ	SS 18	71	106
3	SELANGOR	MPSJ	USJ 11	70	96
4	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	25	79
5	SELANGOR	Gombak	Kg Desa Aman	32	77
6	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 9	23	73
7	SELANGOR	MBPJ	Flat Desaria PJS 5	37	69
8	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7D (Teres Jalan 7/63)	13	61
9	SELANGOR	MPAJ	Taman Melawati (Zon 5)	19	59
10	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment 16C Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	20	58
11	SELANGOR	MPSJ	Taman Sedang Perdana (SP 5)	22	54
12	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Awana	10	53
13	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	23	51
14	SELANGOR	MPSJ	PJS 11	12	50
15	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon A)	11	49
16	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong ( Jalan Wawasan )(2)	11	44
17	SELANGOR	MPSJ	Taman Bukit Serdang	14	42
18	SELANGOR	MPSJ	USJ 6	12	42
19	SELANGOR	MPKJ	Taman Sepakat Indah	10	41
20	SELANGOR	MPAJ	AU3/1 Taman Keramat (Zon A)	12	40
21	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K2	9	39
22	SELANGOR	MPAJ	Taman Ukay Perdana (Zon 6)	9	39
23	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon C)	11	37
24	SELANGOR	MPSJ	SS 15	12	37
25	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Pesona Taman Kajang	8	37

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
26	SELANGOR	MPS	Taman Pelangi Rawang	12	36
27	SELANGOR	Gombak	Bandar Baru Selayang Fasa 2B	5	36
28	SELANGOR	Gombak	Taman Industri Tago Kepong	12	34
29	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	11	33
30	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Seksyen 1 Bandar Baru Bangi	9	33
31	SELANGOR	MBPJ	Gugusan Melur Sek 4 PJU 5	6	32
32	SELANGOR	MBPJ	Taman Indah Jaya PJS 4	8	32
33	SELANGOR	Hulu Langat	PKNS Beranang	12	31
34	SELANGOR	MPSJ	Taman Puchong Intan	10	31
35	SELANGOR	MBPJ	SS 9A	16	30
36	SELANGOR	MPAJ	Pandan Jaya (Zon B)	9	30
37	SELANGOR	MPAJ	AU2 Taman Keramat (Zon A)	8	30
38	WPKL	Cheras	PPR Taman Mulia	26	81
39	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	14	75
40	WPKL	Setapak	Taman Setapak Jaya (Jalan Rejang 4-10)	21	74
41	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa Kelompok Kuang, Teratai, Menara Merak kayangan.	16	65
42	WPKL	Setapak	Keramat Wangsa ( Pangsapuri ATM)	12	34
43	WPKL	Setapak	Jalan Semarak (Pulapol)	6	31
44	WPKL	Pusat Bandar	Bandar Baru sentul (Menara Orkid)	17	71
45	WPKL	Pusat Bandar	Flat Sri selangor	74	59
46	WPKL	Pusat Bandar	Kg, Baru (Jalan Hamzah, Jalan Hj Yahya Syeikh Ahmad)	9	30
47	WPKL	Damansara	Apartment Putra Ria	7	31
48	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	10	37
49	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Rumah Pangsa, Pelentong.	43	97
50	JOHOR	MPJBT	Taman Pelangi Indah Flat Jalan Cantik, Tebrau.	18	69

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
51	JOHOR	MBJB	Flat Larkin ,Bandaraya	10	37
52	JOHOR	MBJB	Kondo Bukit Saujana Bandaraya JB	15	71
53	SARAWAK	Miri	Kg Baru Jalan Anting 2	41	90
54	SARAWAK	Miri	Pujut Tanjung Batu, Lorong 1C	18	103
55	SARAWAK	Miri	Piasau Utara Lorong 3B	15	114
56	SARAWAK	Bintulu	Bandar Baru Bintulu	13	109
57	SARAWAK	Meradong	No. 5 Jalan Teo Kui Ngo	6	33
58	N.SEMBILAN	Seremban	Apartment Desa Palma	7	48
59	PAHANG	Kuantan	Taman Cenderawasih	24	54
60	PAHANG	Kuantan	Taman Indera Mahkota 5	9	39

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK  
AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE 12**

Bil.	Negeri	Daerah/Zon/PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WP KL	Klang Lama	Vista Angkasa	80.0	80
2	WP KL	Pusat Bandar	Flat Sri Selangor	21.0	21
3	SELANGOR	Gombak	Kg. Desa Aman	18.2	18
4	WP KL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	13.0	13
5	WP KL	Setapak	Keramat Wangsa (Pangsapuri ATM)	11.0	11
6	N. SEMBILAN	Seremban	Apartment Desa Palma	10.0	10
7	WP KL	Setapak	Jalan Semarak (Pulapol)	9.0	9
8	SELANGOR	MPSJ	SS 18	8.3	8
9	SELANGOR	Gombak	Taman Industri Tago Kepong	6.3	6
10	SELANGOR	MPAJ	Au2 Taman Keramat (Zon A)	6.3	8
11	SARAWAK	Miri	Piasau Utara Lorong 3B	5.0	5
12	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	4.5	7
13	SARAWAK	Miri	Pujut Tanjung Batu, Lorong 1C	3.7	4
14	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K2	3.6	4
15	SELANGOR	MBPJ	SS 9A	2.9	3
16	SELANGOR	Gombak	Bandar Baru Selayang Fasa 2B	2.8	3
17	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 9	2.2	2
18	SELANGOR	Hulu Langat	PKNS Beranang	2.2	2
19	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	1.9	2
20	SARAWAK	Bintulu	Bandar Baru Bintulu	1.5	2
21	SELANGOR	MPSJ	USJ 11	1.4	1
22	SELANGOR	MPSJ	SS 15	1.2	1
23	SELANGOR	MPSJ	Taman Bukit Serdang	1.0	1